

Orang-orang Komunis Dengan al-Quran

Walter Kolarz, pengarang buku-buku yang bernama “Stalin” dan “Rusia Yang Kekal Abadi” (tahun 1944) “Kepalsuan dan Kebenaran di Eropah Timur” (tahun 1946); “Rusia dan Tanah-tanah Jajahannya” (1952) “Bagaimana Rusia Diperintah” (1953); dan “Rakyat Soviet Timur Jauh” (1954), adalah penulis khas di antara pegawai-pegawai di *British Broadcasting Corporation*. Ianya dahulu menjadi penulis diplomat bagi sebuah pejabat berita-berita antara bangsa. Ianya sangat cekap berkenaan hal ehwal Eropah Timur.

Oleh Walter Kolarz

Ringkasannya:

Berbanding dengan sikap pihak yang berkuasa Zaar dahulu yang sangat-sangat mengambil berat dan memuliakan ilmu pengetahuan orang-orang Komunis Soviet Rusia sekarang sentiasa memandang hina kepada agama Islam dan al-Quran al-Karim. Hal ini sudah sepatutnya mendapat perhatian semua negeri di Timur Tengah yang sekarang ini terancam oleh dasar menyusupnya iktisad Komunis. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Kolarz, orang-orang Zaar telah menganjurkan langkah mengecap al-Quran al-Karim, dan tiap-tiap tahun, 200,000 buah al-Quran al-Karim telah diterbitkan dari Kazen semasa belum berlaku Perang Dunia yang pertama. Orang-orang Komunis dengan pantas memberhentikan kerja ini, tetapi selepas tahun 1945 mereka hanya membenarkan mengecap sebanyak yang ditentukan oleh mereka, dan perkara ini masih belum dapat dijelaskan. Baharu-baharu ini ada berita-berita yang mengatakan bahawa Quran-quran itu akan diterbitkan dalam bahasa Uzbek, iaitu bahasa yang tidak difahami atau diketahui oleh orang-orang Muslim di Rusia yang seramai 15 juta itu.

Tidak ada satu agama yang sangat-sangat dihinakan oleh orang-orang Komunis Soviet Rusia seperti agama

Islam, iaitu agama yang dianut semenjak dahulu oleh hampir semua negeri di timur tengah. Orang-orang Komunis yang terpelajar, sekurang-kurangnya mengakui bahawa wujudnya agama Kristian itu adalah merupai satu kemajuan baharu dari faham yang sesat. Tetapi menurut pandangan mereka sekarang agama Islam tidaklah mempunyai sifat-sifat mulia seperti itu. Sebagai penebus faham yang sesat. Orang-orang Komunis memandang agama Islam tidak ada kelebihannya.

Sambutan yang sejuk ini dapatlah disaksikan dengan sikap orang-orang Komunis terhadap al-Quran al-Karim yang pada masa sebelum berlakunya pemberontakan di Soviet Rusia dahulu, telah menjadi satu perkara yang sangat-sangat diambil berat dan dibincangkan dengan panjang lebar oleh kaum terpelajar orang-orang Russian semasa itu. Terjemahan kandungan al-Quran al-Karim ke bahasa Russian telah dibuat dalam tahun 1716 dengan perintah Raja Peter, dan setelah itu ada beberapa banyak terjemahan-terjemahan kandungan kitab suci itu sebelum Parti Komunis dapat merampas kekuasaan dalam negeri. Ensiklopedea atau Kamus Besar Rusia yang diterbitkan sebelum Perang Dunia yang pertama, telah memberi penerangan-penerangan atau penjelasan-penjelasan berkenaan al-Quran al-Karim itu sepanjang enam ruangan setengah. Di antara lain-lain,

penerangan-penerangan itu ada menyebut bahawa al-Quran itu adalah kitab suci orang-orang Islam sebagaimana kitab Injil kepada orang-orang Kristian.

Kamus Besar Soviet cetakan pertama yang diterbitkan dalam tahun 1937, tidaklah memberi penerangan sepanjang yang diterangkan oleh Kamus Besar Rusia yang diterbitkan sebelum Perang Dunia yang pertama dahulu itu. Hanya dalam satu penerangan sepanjang satu ruangan setengah, al-Quran itu dikenakan “sebagai satu perhimpunan beberapa agama, ajaran atau fahaman, yang disusun dalam kurun yang ketujuh belas”. Pada penghujung penerangan ini, pengarangnya yang tidak mahu menyebut namanya, mengatakan bahawa “al-Quran telah mengambil satu bahagian yang besar dan menjadi sebagai satu alat yang menipu dan menindasi rakyat jelata” (lihat Kamus Besar Soviet, cetakan pertama, jilid 34) Moscow 1937, muka 255). Semenjak itu, inilah yang kekal. Menjadi pandangan rasmi Soviet Rusia terhadap kitab suci al-Quran al-Karim itu. Cetakan kedua Kamus Besar Soviet itu yang diterbitkan dalam tahun 1953, menegaskan lagi bahawa al-Quran adalah menjadi satu alat yang menipu dan menindas rakyat jelata yang digunakan oleh ulama-ulama Muslim. Dan lagi, pengarang-pengarang Kamus Besar Soviet cetakan kedua itu, nampaknya berfikir bahawa al-Quran tidaklah sebegitu penting dan ruangan yang panjang telah digunakan dengan sesia kerana menerangkannya. Yang demikian penerangan berkenaan al-Quran al-Karim dalam Kamus Besar itu telah dikurangkan hingga tinggal 25 baris sahaja (lihat Besar Kamus Soviet, cetakan kedua, Jilid 22, Moscow 1953, muka 564).

Satu lagi cacian Soviet terhadap kitab suci al-Quran al-Karim itu, ada terkandung dengan lebih panjang dalam satu rencana yang ditulis oleh Prof. Klimovich, yang disiarkan serentak oleh akhbar-akhbar di beberapa

buah jajahan Soviet. Akhbar harian yang bernama “Fajar Timur”, telah menyiarkan rencana tersebut pada 10 Oktober 1954. Rencana ini mensifatkan al-Quran al-Karim itu sebagai “satu alat untuk menukar kaum buruh menjadi hamba abdi yang tidak ada mempunyai daya upayanya sendiri, dan memandang segala kesengsaraan, perhambaan susunan masyarakat yang pincang sebagai satu rahmat dari Tuhan”. Prof. Klimovich, pernah menulis beberapa buah rencana berkenaan agama Islam. Ia berpendapat bahawa Nabi Muhammad tidak pernah ada atau hidup dalam dunia ini. Tetapi pendapatnya ini tidaklah diterima dalam Soviet Union itu sendiri.

Sekarang ini ada lebih dari 21 juta orang Islam di Soviet Rusia. Yang demikian banyaklah orang-orang yang berkehendakkan kitab suci al-Quran al-Karim itu. Sebelum berlakunya Perang Dunia yang pertama dahulu, kemahuan mempunyai kitab suci itu telah dapat disempurnakan. Gedung-gedung cap kepunyaan orang-orang Islam di Kazan, telah dapat mengecap 200,000 buah kitab suci itu tiap-tiap tahun. Tetapi orang-orang Komunis tidak suka menggalakkan kerja mengecapnya. Lama-kelamaan di antara tahun 1928 dengan 1930, kerja mengecap al-Quran al-Karim telah diberhentikan, iaitu semasa huruf-huruf Arab dilarang daripada digunakan di jajahan-jajahan timur Soviet dan akhirnya sekali semua sekolah agama Islam dihapuskan.

Selepas tahun 1945, apabia Soviet Rusia mengambil keputusan cuba menghapuskan agama dengan jalan yang lebih halus dan lembut, maka sebuah pejabat cap mengecap kepunyaan negara, telah dibenarkan boleh mengecap al-Quran karangan baharu sebanyak yang dihadkan. Semenjak itu tidaklah kedengaran apa-apa berita sehingga kira-kira dua tahun yang lalu. Orang-orang Islam yang baharu-baharu ini melawat Soviet Rusia telah diberitahu lagi bahawa

-Sambungannya di muka 47

Sambungan dari muka 4

bahasa Melayu semakin hari semakin runtuh dan jauh sekali ketinggalan, atau peluang usaha-usaha Melayu tidak mendapat kemudahan, tidak disokong supaya kebolehan untuk menyelenggarakan penerbitan-penerbitan mereka bertambah maju dan sempurna.

Perkara yang kami sebutkan itu adalah perkara yang lampau iaitu perkara yang patut kita toleh sejenak supaya menjadi gambaran bagi kita melihat apakah yang patut kita jalankan atau ikhtiarkan bagi menghadapi masa hadapan. Kita akan menghadapi kemerdekaan dan insya-Allah kita akan tetap merdeka. Tetapi di dalam kemerdekaan itu kami berharap janganlah pula bahasa Melayu itu dijajah di dalam kemerdekaan sendiri yakni di dalamnya ada hidup semangat-semangat yang menguasai bahasa Melayu, menghalang kemajuannya atau seumpamanya. Janganlah nanti dalam kemerdekaan itu ada suatu badan, ada satu tubuh yang bekerja mengalirkan kemahuan yang pada zahirnya memajukan bahasa Melayu, tetapi batinnya melumpuhkan dan merosakkan cita-cita semangat bahasa Melayu yang diidamkan oleh rakyat jelata.

Oleh sebab itu kami penerbit-penerbit Melayu berharap di dalam cita-cita untuk menuju kepada perkembangan bahasa Melayu masa yang akan datang tidak kami ditinggalkan dan hendaklah diberi peluang untuk menyelenggarakan bersama perkembangan-perkembangan bahasa Melayu dengan diberi kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan sebagaimana yang pernah diberi oleh negara-negara yang baharu merdeka kepada perkembangan bahasa mereka. Janganlah pihak pertadbiran di dalam masa merdeka nanti membelakangkan kami sebagaimana sekarang ini padahal di dalam perkembangan-perkembangan menuju kemerdekaan pada masa yang akan datang telah banyak diberi bantuan kepada bahagian-bahagian yang lain sedang usaha penerbit-penerbit Melayu, nampaknya boleh kami katakan, tidak ada bantuan

kepada penerbit-penerbit Melayu. Kami penerbit-penerbit Melayu berkeyakinan bahawa menyelenggarakan perkembangan bahasa Melayu tidak akan bebas dan merdeka selagi ia tidak dilaksanakan oleh bangsa Melayu sendiri dengan penerbitan-penerbitan mereka sendiri. Itulah harapan kami dan itulah cita-cita kami dan itulah tujuan kami. Selain dari itu adalah menjadi harapan kami kepada saudara-saudara yang ada di dalam kongres yang mulai berjalan ini akan dapat menjadikan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu hak rakyat yang dipandu oleh rakyat dan untuk rakyat. Mudah-mudahan janganlah ada di dalamnya kelak aliran-aliran penjajahan. Kepada saudara-saudara yang berkongres saya bagi pihak Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu mengucapkan selamat berkongres sambil berdoa mudah-mudahan cita-cita rakyat jelata akan dapat tercapai. Akhirnya saya serukan "Hiduplah bahasa Melayu".

Sambungan dari muka 3

al-Quran al-Karim akan dicetak dan diterbitkan tidak lama lagi, dan setengahnya mengatakan bahawa kitab-kitab suci itu sudah pun diterbitkan. Hal yang sebenarnya pada masa ini, masih lagi menjadi satu pertanyaan. Tetapi nampaknya pihak-pihak yang berkuasa Soviet Rusia tidak akan dapat melarang terus usaha menerbitkan buku-buku sebagaimana yang diketahui bahawa kitab Injil karangan bahasa Rusianya yang baharu, akan diterbitkan tidak lama lagi. Meskipun demikian, pihak-pihak yang berkuasa Soviet Rusia akan sentiasa berjaga-jaga supaya Quran-quran tidak akan mudah diperoleh, terutamanya oleh orang-orang Islam angkatan baharu yang telah diasuh dan dihasut supaya membuang agama datuk nenek mereka itu. Menurut beritanya, al-Quran cetakan baharu itu adalah dalam bahasa Uzbek sahaja yang tidak akan dapat difahami oleh 15 juta orang-orang Muslim di Rusia. * * *